

Operasi padam kebakaran hutan ditamatkan - JBPM

BH ONLINE | Isnin, 2 September 2019 | 7:11pm



ISKANDAR PUTERI: Operasi memadam kebakaran 16 hektar hutan di Tanjung Adang dan Kampung Pekajang, di sini yang bermula sejak 13 hari lalu, ditamatkan hari ini.

Pengarah Bomba dan Penyelamat negeri, Datuk Yahaya Madis, berkata operasi ditamatkan selepas pihak bomba berjaya memadamkan api secara keseluruhannya.

Bagaimanapun, beliau berkata pemantauan diteruskan kerana tidak menolak kemungkinan kejadian sama berulang berdasarkan faktor cuaca selain daripada aktiviti pembakaran terbuka dilakukan penduduk sekitar.

“Kawasan operasi (pemadaman) itu kira-kira 16.5 hektar (menggunakan) teknik ‘total flooding’ iaitu banjirkan kawasan keseluruhan itu berjaya, namun potensi masih sama, bila-bila masa boleh terbakar (melalui pembakaran terbuka atau cuaca panas).

“Kita juga mendapat kerjasama Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), guna pam kuasa tinggi yang biasanya pam ini untuk sedut air, tetapi musim panas ini terbalik (guna untuk padam kebakaran),” katanya pada sidang media penutupan operasi pemadaman di sini, hari ini.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Kesejahteraan Bandar dan Alam Sekitar negeri, Tan Chen Choon, berkata pihak Jabatan Alam Sekitar (JAS) turut meletakkan alat pemantauan kualiti udara di sekolah terjejas.

“Langkah berkenaan diambil susulan kejadian kebakaran hutan yang berlaku baru-baru ini bakal memberi manfaat secara langsung kepada sekolah setempat untuk memantau kualiti udara secara terus, terutama menjelang peperiksaan awam paling hampir iaitu Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) pada 4 September ini,” katanya.